



MOHD. Sopri Togil (kiri) dan Massuwati Amran (kanan) ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Seri Manjung di Lumut semalam.

Suami isteri didakwa tipu jual baju kurung

LUMUT: Pasangan suami isteri didakwa di Mahkamah Majistret Seri Manjung semalam atas tuduhan memperdaya seorang wanita menyerahkan wang bagi pembelian baju kurung yang tidak diperolehi oleh pelanggan tersebut, kira-kira empat bulan lalu.

Mohd. Sopri Togil, 47, dan Massuwati Amran, 46, dari Taman Muhibbah, Sitiawan dekat sini bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan berkenaan.

Pasangan suami isteri itu dituduh menerima bayaran RM158 tanpa mempunyai ala-

san munasabah untuk mempercayai mereka dapat membekalkan sehelai baju kurung kepada Nur Sabrina Aiman Mohd. Rosszi pada 31 Mac lalu.

Mereka dituduh melakukan perbuatan itu di No. 15, Jalan Lumut, Sitiawan, pada pukul 4.44 petang 13 Februari lalu.

Kedua-duanya didakwa melakukan pelanggaran Seksyen 16(c) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 25(1)(b) akta sama, yang dibacakan bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.



MOHD. SOPRI (kiri) dan Massuwati (kanan) ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Seri Manjung semalam.

Suami isteri didakwa 'scam' baju raya

LUMUT – Pasangan suami isteri didakwa di Mahkamah Majistret Seri Manjung di sini semalam, atas tuduhan memperdaya seorang wanita supaya menyerahkan wang bagi pembelian baju kurung yang tidak wujud, kira-kira empat bulan lalu.

Bagaimanapun, Mohd. Sopri Togil, 47, dan Massuwati Amran, 46, dari Taman Muhibbah, Sitiawan mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan berkenaan.

Pasangan itu dituduh menerima bayaran RM158 untuk mempercayai mereka dapat membekalkan sehelai baju kurung kepada Nur Sabrina Aiman Mohd. Rosszi pada 31 Mac lalu.

Perbuatan itu dilakukan di No. 15, Jalan Lumut, Sitiawan pukul 4.44 petang, 13 Februari lalu.

Mereka didakwa mengikut

Seksyen 16(c) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Seksyen 25(1) (b) akta sama, yang dibacakan bersama Seksyen 34 kanun sama.

Sabit kesalahan, mereka boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun, atau kedua-duanya sekali.

Pada masa sama, Mohd. Sopri sebagai pemilik tunggal perniagaan Seri Kenanga Enterprise yang menjalankan perniagaan baju kurung di laman web Kenanga Apparel Store, dituduh gagal mendedahkan maklumat nombor pendaftaran perniagaan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Manjung pada pukul 1.10 tengah hari 12 Mei lalu.

Mohd. Sopri tidak mengaku

salah terhadap tuduhan itu.

Majistret T. Kavita membenarkan Mohd. Sopri diberi jaminan RM6,000, manakala Massuwati dibenarkan diikat jamin RM5,500 dengan seorang penjamin.

Kes disebut semula pada 15 Jun ini. Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Syazwani Zawawi, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam S. Dharmanathan.

Mahkamah turut dimaklumkan aset mereka telah dibekukan dan turut disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA).

Penahanan dua individu terabit susulan aduan orang awam berhubung penjualan pakaian secara online sempena Aidilfitri yang tidak wujud.

Didakwa kerana gagal membekalkan sehelai baju raya bernilai RM158 kepada seorang wanita

Suami isteri mengaku tidak bersalah scam baju raya

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF LUMUT

Sepasang suami isteri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Seri Manjung pada Isnin atas pertuduhan gagal membekalkan sehelai baju raya bernilai RM158 kepada seorang wanita, Februari lalu.

Tertuduh, Mohd Sopri Togil, 47 dan Massuwati Amran, 45, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret T Kavita.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh secara bersama menyetujui terima bayaran RM158 tanpa mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa dapat membekalkan sehelai baju kurung kepada Nur

Sabrina Aiman Mohd Rosszi pada 31 Mac lalu.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Jalan Lumut, Sitiawan, Perak sekitar jam 4.44 petang pada 13 Februari lalu.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan pelanggaran mengikut Seksyen 16(c) Akta Pelindungan Pengguna 1999 dan kesalahan di bawah Seksyen 25(1)(b) akta sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pada prosiding sama, Mohd Sopri sebagai pemilik tunggal perniagaan Seri Kenanga Enterprise yang menjalankan perniagaan baju kurung di laman web Kenanga Apparel Store didakwa telah gagal mendedahkan maklumat berkaitan nombor pendaftaran perniagaan.

Tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas ke-



Pasangan suami isteri didakwa di Mahkamah Majistret Seri Manjung, kerana gagal bekalkan baju kurung kepada seorang wanita.

salahan yang dilakukan di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Manjung sekitar jam 1.10 petang pada 12 Mei lalu.

Pertuduhan dilakukan mengikut Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012 dan boleh dihu-

kum di bawah Seksyen 145(1) Akta Pelindungan Pengguna 1999.

Sabit kesalahan boleh didenda RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kavita kemudiannya membenarkan Mohd Sopri dijamin RM6,000 bagi kedua-dua pertuduhan manakala Massuwati

dibenarkan dijamin RM5,500 dengan seorang penjamin.

Beliau turut memerintahkan pasport kedua-dua tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan masing-masing diarahkan melaporkan diri di balai polis terdekat sekali sebulan.

Mahkamah menetapkan 15 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Mahkamah turut dimaklumkan bahawa aset kedua-duanya telah dibekukan.

Sementara itu, KPDN menahankan pasangan suami isteri itu bagi membantu siasatan berkaitan gagal membekalkan baju raya secara dalam talian membabitkan transaksi bernilai ratusan ribu ringgit.

Penahanan dua individu terbabit adalah berkaitan sejumlah 100 aduan mangsa seluruh negara yang tidak menerima baju kurung ditempah sempena hari raya Aidilfitri.

JUNE 15 SET FOR CASE MENTION

RM158 baju kurung scam: Couple claim trial

LUMUT: A married couple were charged at the Seri Manjung magistrate's court here, yesterday, with deceiving a customer.

Mohd Sopri Togil, 47, and Masuwati Amran, 46, from Tamian Muhibbah, Sitiawan, here, pleaded not guilty to accepting RM158 without having reasonable grounds to believe they could supply a baju kurung to Nur Sabrina Aiman Mohd Roszi on March 31.

The offence was allegedly committed at No. 15, Jalan Lumut, Sitiawan, at 4.44pm on Feb 13.

They were charged under Section 16(c) of the Consumer Protection Act 1999 and Section 25(1)(b) of the same act, read with Section 34 of the Penal Code.

If convicted, they face a fine of up to RM100,000 or imprisonment for up to three years, or both.

In the same proceedings, Sopri, — the sole owner of Seri Kenanga Enterprise which sells baju ku-

rung on the Kenanga Apparel Store website, was accused of failing to disclose information related to the business registration number.

He allegedly committed the offence at the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's Manjung branch office at 1.10pm on May 12.

He was charged under Regulation 3(1) of the Consumer Protection (Electronic Business Transaction) Regulations 2012 and can be punished in accordance with Section 145(1) of the Consumer Protection Act 1999.

If convicted, he could be fined up to RM50,000 or imprisoned for three years, or both.

He pleaded not guilty to the charge.

The court granted bail of RM6,000 to Sopri for both charges, and bail of RM5,500 with one surety for Masuwati, before setting June 15 for document submission and mention.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

16 MEI 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 MEI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-May	KPDN siasat suami isteri gagal bekalkan baju raya	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kpdn-siasat-suami-isteri-gagal-bekalkan-baju-raya/	UM
16-May	Suami, isteri jual baju kurung tidak wujud disiasat	https://malaysiagazette.com/2023/05/15/suami-isteri-jual-baju-kurung-tidak-wujud-disiasat/	MALAYSIAGAZETTE
16-May	Tipu jual beli baju kurung, suami isteri didakwa	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/967041/tipu-jual-beli-baju-kurung-suami-isteri-didakwa	HM
16-May	Suami isteri mengaku tidak bersalah 'scam' bekalan baju raya	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-isteri-mengaku-tidak-bersalah-scam-bekalan-baju-raya-419616%3famp=1	ASTROAWANI
16-May	KPDN tahan suami isteri 'scam' baju raya	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/258582	SH
16-May	Padah jual pakaian tidak wujud secara dalam talian, suami isteri ditahan KPDN	https://selangorkini.my/2023/05/padah-jual-pakaian-tidak-wujud-secara-dalam-talian-suami-isteri-ditahan-kpdn/	SELANGORKINI
16-May	KPDN tahan sepasang suami isteri jual baju Raya dalam talian	https://suaramerdeka.com.my/kpdn-tahan-sepasang-suami-isteri-jual-baju-raya-dalam-talian/	SUARAMERDEKA
16-May	Suami isteri disiasat 'scam' baju raya – KPDN	https://www.edisi9.com.my/2023/05/suami-isteri-disiasat-scam-baju-raya-kpdn/	EDISI9
16-May	Online baju kurung sales 'scammer' charged in court	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/05/909552/online-baju-kurung-sales-scammer-charged-court	NST

16-May	KPDn tahan suami isteri jual pakaian tidak wujud secara dalam talian	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-tahan-suami-isteri-jual-pakaian-tidak-wujud-secara-dalam-talian-BP10976326	THESUNDAILY
16-May	Bekalan gula cukup di Kelantan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/967078/bekalan-gula-cukup-di-kelantan	HM
16-May	Subsidi diesel kekal, 'fleet card' diperluas	https://www.buletintv3.my/nasional/diesel-subsidi-sektor-pengangkutan-darat-guna-sistem-fleet-card/	BULETINTV3
16-May	Sistem 'fleet card' untuk diesel subsidi sektor pengangkutan darat	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1101353/sistem-fleet-card-untuk-diesel-subsidi-sektor-pengangkutan-darat	BH
16-May	Kegiatan seleweng diesel terbongkar, seorang lelaki ditahan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/05/1101271/kegiatan-seleweng-diesel-terbongkar-seorang-lelaki-ditahan	BH
16-May	Seorang lelaki ditahan, cuba seleweng minyak diesel	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/63484-seorang-lelaki-ditahan-cuba-seleweng-minyak-diesel	BERITARTM
16-May	Lelaki ditahan seleweng diesel guna lori ubah suai	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/lelaki-ditahan-seleweng-diesel-guna-lori-ubah-suai/	UM
16-May	KPDN pantau harga ikan susulan cuaca panas	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/258689	SH
16-May	Hot weather: KPDN to monitor price of fish	https://www.thesundaily.my/local/hot-weather-kpdn-to-monitor-price-of-fish-salahuddin-DP10978308	THESUNDAILY

16-May	KPDN pantau harga ikan susulan bekalan kurang	https://www.kosmo.com.my/2023/05/15/kpdn-pantau-harga-ikan-susulan-bekalan-kurang/	KOSMO
16-May	Cuaca panas: KPDN pantau harga ikan, bekalan cukup	https://selangorkini.my/2023/05/cuaca-panas-kpdn-pantau-harga-ikan-bekalan-cukup/	SELANGORKINI
16-May	KPDN pantau harga ikan susulan cuaca panas	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2189279	BERNAMA
16-May	KPDN to monitor price of fish during the current weather, says Salahuddin	https://theedgemalaysia.com/node/667074	THEEDGEMALAYSIA
16-May	KPDN pantau harga ikan susulan cuaca panas – Salahuddin	https://mediavariasi.com/2023/05/kpdn-pantau-harga-ikan-susulan-cuaca-panas-salahuddin/	MEDIAVARIASI
16-May	Hot weather: Domestic Trade Ministry to monitor price of fish, says Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/sports/2023/05/15/hot-weather-domestic-trade-ministry-to-monitor-price-of-fish-says-salahuddin/69375	MALAYMAIL
16-May	Hot weather: KPDN to monitor price of fish	https://bernama.com/en/news.php?id=2189289	BERNAMA
16-May	KPDN pantau harga ikan susulan cuaca panas - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pantau-harga-ikan-susulan-cuaca-panas-salahuddin-419683%3famp=1	ASTROAWANI
16-May	Bekalan ikan masih mencukupi	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/967233/bekalan-ikan-masih-mencukupi-salahuddin	HM
16-May	Hot weather: Domestic Trade Ministry to monitor price of fish, says Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/196105	SINARDAILY

16-May	KPDN pantau harga ikan susulan cuaca panas – Salahuddin	https://sarawakvoice.com/kpdn-pantau-harga-ikan-susulan-cuaca-panas-salahuddin/	SARAWAKVOICE
16-May	KPDN pantau harga ikan susulan cuaca panas	https://utusan.com.my/2023/05/15/kpdn-pantau-harga-ikan-susulan-cuaca-panas/	UMTV
16-May	Dry spell: Fish price will be monitored, says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/15/dry-spell-fish-price-will-be-monitored-says-salahuddin	THESTAR
16-May	Hot weather: Ministry to monitor fish price, says Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/05/909738/hot-weather-ministry-monitor-fish-price-says-salahuddin	NST
16-May	'Lapor KPDN jika status telur premium meragukan'	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1101604/lapor-kpdn-jika-status-telur-premium-meragukan	BH
16-May	Lapor KPDN jika sangsi ketulenan telur omega - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/258686	SH
16-May	'Kalau bukan telur omega, buat laporan kepada KPDN'	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/967219/kalau-bukan-telur-omega-buat-laporan-kepada-kpdn	HM
16-May	Hala tuju Payung Rahmah, KPDN bakal bertemu pemain industri	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/63543-hala-tuju-payung-rahmah-kpdn-bakal-bertemu-pemain-industri	BERITARTM
16-May	Talks soon to ensure Payung Rahmah scheme will last	https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/nation/2023/05/15/talks-soon-to-ensure-payung-rahmah-scheme-will-last/	FMT
16-May	Kewajaran henti subsidi pukal gula akan dibincang	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1101651/kewajaran-henti-subsidi-pukal-gula-akan-dibincang	BH
16-May	Jelajah Ehsan Rakyat dan Jualan Rahmah bergabung Jun ini	https://www.kosmo.com.my/2023/05/15/jelajah-ehsan-rakyat-dan-jualan-rahmah-bergabung-jun-ini/	KOSMO

16-May	KPDN Tahan Suami Isteri Jual Pakaian Tidak Wujud Secara Dalam Talian	https://siakapkei.my/2023/05/15/kpdn-tahan-suami-isteri-jual-pakaian-tidak-wujud-secara-dalam-talian/	SIKAPKEI
16-May	[KOLUMNIS] RAHMAH: Pencetus gerakan ekonomi rakyat	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-rahmah-pencetus-gerakan-ekonomi-rakyat-419676%3famp=1	ASTROAWANI